

Resorts World Genting Perkenalkan Genting Guest Xperience Centre, Ruang Imersif Baharu yang Menggabungkan Warisan dan Inovasi

Genting Highlands, 29 Jun 2026 – Genting Guest Xperience Centre (GGXC), inovasi terbaharu dalam penglibatan pengunjung oleh Resorts World Genting (RWG), merupakan sebuah galeri imersif berteknologi tinggi yang membawa pengunjung menyusuri kisah luar biasa Kumpulan Genting. Lebih daripada sekadar pameran, GGXC ialah ruang dinamik yang menggabungkan sejarah, teknologi dan penceritaan bagi mengetengahkan warisan, pencapaian semasa serta aspirasi masa hadapan Kumpulan.

Dengan keluasan lebih 5,700 kaki persegi, GGXC dibuka kepada orang awam secara temu janji, manakala kemasukan tanpa janji temu adalah tertakluk kepada kekosongan. Pengunjung digalakkan membuat tempahan sekurang-kurangnya satu hari lebih awal, dengan kapasiti maksimum 15 orang bagi setiap slot. Pusat ini dibuka setiap hari dari jam 10:00 pagi hingga 6:00 petang dan direka untuk pengunjung berumur 13 tahun ke atas. Setiap pengalaman disusun rapi bagi menyediakan perjalanan interaktif yang mengasyikkan serta mencerminkan semangat perintis dan kehadiran global kumpulan ini.

Perjalanan bermula di **The Reception**, di mana pengunjung disambut oleh panel LED yang memaparkan secara bergilir-gilir visual air terjun yang mengalir bersama logo Ulang Tahun ke-60 Genting serta GIVA, iaitu *Genting Intellectual Virtual Assistant*. Gambaran air terjun tersebut melambangkan kesinambungan, pembaharuan dan pertumbuhan, di samping menggambarkan keindahan persekitaran semula jadi tanah tinggi yang sekian lama menjadi identiti RWG.

Melalui GIVA, pengunjung diperkenalkan kepada platform digital interaktif yang memaparkan maklumat cuaca Genting Highlands secara masa nyata. Seterusnya, pengunjung dikehendaki mendaftar masuk pada waktu temu janji yang telah ditetapkan dengan mengimbas kod QR mereka bersama petugas khidmat pelanggan, manakala kemasukan tanpa janji temu adalah tertakluk kepada kekosongan.

Seterusnya, pengunjung dibawa ke **Clouds City**, di mana paparan pemetaan unjuran pada model skala terperinci menghidupkan semula keindahan landskap Genting Highlands. Pengalaman ini bermula dari Gohtong Jaya sebelum membawa pengunjung menyusuri Laluan Utama Genting secara beransur-ansur menuju ke puncak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut.

Zon 3, yang dikenali sebagai **Legacy Lens**, menawarkan penghayatan yang lebih mendalam terhadap asal-usul Kumpulan Genting menerusi kisah hidup dan visi pengasasnya, Tan Sri Lim Goh Tong. Paparan multimedia ini membawa pengunjung menelusuri perjalanan beliau dari China ke Malaysia serta bagaimana visinya telah mengubah sebuah kawasan pergunungan terpencil menjadi destinasi bertaraf dunia.

Tumpuan utama zon ini ialah meja interaktif yang diinspirasikan daripada meja kerja mendiang Tan Sri Lim Goh Tong. Menampilkan artifak bermakna seperti topi putih, tongkat dan batu asas, pengunjung boleh meneroka kisah serta maklumat di sebalik setiap artifak melalui pengalaman sentuhan interaktif.

Selain pengalaman meja interaktif, pengunjung juga boleh meneroka pameran pakaian seragam bersejarah yang pernah digunakan oleh kakitangan hotel dan kasino RWG, merangkumi tempoh dari tahun 1997 hingga kini.

Glamour Walk mengetengahkan komitmen RWG dalam mewujudkan impak positif melangkaui perniagaan terasnya. Zon ini memaparkan inisiatif Sains Hayat, termasuk penyelidikan dan terapi perintis dalam bidang neurologi serta sel stem, di samping program Genting Bersama Malaysia yang mencerminkan tonggak Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Kumpulan, merangkumi tadbir urus, sokongan kepada komuniti perniagaan, kesejahteraan masyarakat dan perlindungan alam sekitar. Zon ini turut menampilkan dinding interaktif yang menjadi latar menarik untuk pengunjung merakam kenangan dan berkongsi pengalaman mereka di GGXC melalui media sosial.

Sebelum memasuki teater Grand Finale, pengunjung akan diperkenalkan kepada sebuah kapsul masa istimewa yang mengira detik menuju tahun 2040. Di dalamnya tersimpan mesej peribadi daripada Tan Sri Lim Kok Thay, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Genting, yang ditujukan kepada generasi masa hadapan yang bakal meneruskan legasi Genting.

Zon 5, **Grand Finale Show**, merupakan teater imersif 180 darjah yang menjadi kemuncak pengalaman GGXC. Pengunjung berpeluang menyaksikan dua tayangan video, iaitu “Jejak Global Kumpulan Genting” yang mengetengahkan jejak dan operasi Kumpulan Genting di peringkat antarabangsa, serta video Ulang Tahun Ke-60 yang meraikan enam dekad visi, pertumbuhan dan pencapaian Kumpulan. Zon ini turut menampilkan papan pemuka prestasi yang memaparkan statistik pelawat secara masa nyata merangkumi hotel, taman tema dan perkhidmatan kereta kabel.

Selepas tayangan berakhir, pengunjung boleh meneruskan penerokaan secara sendiri menerusi paparan interaktif yang memberikan pemahaman lebih mendalam mengenai pelbagai perniagaan di bawah Kumpulan Genting. Pengalaman ini bukan sahaja menonjolkan kehadiran global Kumpulan, malah memperlihatkan visi masa depannya, sekali gus memberikan gambaran menyeluruh mengenai aspirasi, daya tahan dan sumbangannya merentasi pelbagai industri di seluruh dunia.

Sebagai penutup pengalaman di GGXC, pengunjung akan dibawa ke **Partner Zone** yang mengetengahkan komitmen Kumpulan Genting terhadap prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) menerusi sebuah instalasi interaktif yang dikenali sebagai *Sphere*.

Melalui GGXC, RWG memperkukuh komitmennya terhadap inovasi, pemeliharaan warisan, kelestarian dan penglibatan pengunjung menerusi sebuah ruang yang menghubungkan sejarah, teknologi dan masa hadapan dalam satu pengalaman yang interaktif dan bermakna.

Untuk maklumat lanjut atau membuat tempahan, sila layari laman web Genting Guest Xperience Centre di <https://rwgentic.com/en/things-to-do/attractions/genting-guest-xperience-centre.html>. Tempahan awal adalah disyorkan bagi memastikan slot waktu pilihan tersedia.

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.